



Kandungan

Sejarah KUIM	1
Perutusan	2
Majlis Universiti	3
Pendaftaran	4
Seminar Kebatinan Serantau	6
Kursus/Latihan	7
Galeri KUIM	8
Sidut Bahasa	10
Tetamu KUIM	12
Aktiviti Pelajar	13
Bengkel	15
Diari	16

ISSN 1511-9319



9 771511 931008

Mutiara Kata

Akal itu tidak akan ditutup kemampuannya, ibarat wangi kasturi yang tidak mungkin disembunyikan keharumannya.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman

Tanggal 18 Jun 2000 tercipta sejarah bagi dunia pendidikan Malaysia apabila sebuah lagi universiti awam iaitu **Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)** menerima pelajar sulung seramai 255 orang. **KUIM** ditubuhkan dengan hasrat untuk melahirkan graduan berpendidikan Islam yang mahir dengan teknologi maklumat agar dapat mengangkat martabat Islam sebagai pilihan terbaik dalam pembangunan sumber manusia di negara ini.

Mengimbu sejarah awal penubuhan KUIM, Universiti awam yang ke-12 ini telah ditubuhkan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. KUIM telah diperbadankan mengikut Arahan tahun 1998.

Pada peringkat awalnya, KUIM beroperasi dengan menumpang bangunan paras lima di Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi. Dari UKM, Universiti baru ini mulai melangkah ke kampus sementara iaitu di bangunan Institut Profesional Baitulmal (IPB).

Pendaftaran pelajar sulung KUIM telah diadakan pada 18 Jun 2000 dan seramai 248 pelajar telah mendaftar sebagai kumpulan perintis. Manakala seramai tujuh orang lagi telah diterima kemudiannya. Ini menjadikan keseluruhan pelajar KUIM seramai 255 orang iaitu 210 pelajar perempuan dan 45 orang pelajar lelaki. Mereka inilah bakal mewarnai dunia pendidikan di KUIM.

Penerangan Logo KUIM

LOGO korporat Kolej Universiti Islam Malaysia dilambangkan melalui sebuah kubah berserta dengan 5 bintang atau "Arabes". Tulisan 'KUIM' (Kolej Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan ini melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya. Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam menyampaikan ilmu-ilmu Islam.

Perutusan.....



*Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh*

Syukur alhamdulillah dengan izin dan limpah kurniaNya, sebuah buletin yang bakal menjadi wadah untuk menyalurkan pelbagai maklumat mengenai KUIM kepada pihak di dalam dan juga di luar kampus, telah berjaya diterbitkan.

Usaha murni ini menjadi coretan sejarah penting buat warga KUIM kerana Buletin ini merupakan bahan dokumentasi pertama diterbitkan oleh pihak KUIM. Sesungguhnya, segala maklumat yang ada akan dapat memberikan sedikit gambaran tentang sejarah awal, aspirasi dan misi KUIM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama ditubuhkan pada alaf baru.

Kewujudan KUIM dalam membantu memartabatkan pendidikan Islam yang syumul sebenarnya membawa pengertian yang cukup besar dalam kemajuan pendidikan Islam di Malaysia ini. Perkara ini berlaku kerana KUIM bukan sahaja bertekad untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik malah mampu menguasai bahasa dan juga teknologi maklumat selari dengan perkembangan globalisasi masa kini.

Justeru, adalah menjadi harapan saya agar Buletin KUIM ini akan dapat dimanfaatkan sebagai medium penting bagi menyebarkan maklumat dan berita yang boleh menggerakkan minda masyarakat kampus, di samping menjadi citra KUIM kepada masyarakat luar.

Syabas dan tahniah.

Dato' Dr Mohd Yusof Noor
Pengerusi
LPU KUIM



*Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh*

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin KUIM kerana berjaya menerbitkan sebuah wadah untuk mendokumentasikan pelbagai maklumat berkaitan dengan perkembangan dan aktiviti KUIM.


Langkah bijak untuk menerbitkan buletin ini sewajarnya dipuji kerana Buletin KUIM mampu menjadi citra KUIM kepada masyarakat di luar kampus di samping menggalakkan aktiviti wacana minda menerusi penulisan agar dipergiatkan dalam konteks budaya ilmu warga KUIM.

Buletin sulung KUIM ini diharapkan akan dapat mengumpulkan segala maklumat berkaitan dengan sejarah awal penubuhan KUIM, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan juga perancangan masa depan KUIM. Usaha murni ini bakal menjadi coretan sejarah penting buat warga KUIM.

Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya agar Buletin KUIM ini akan dapat dijadikan sebagai wahana penting untuk menyebarkan maklumat yang boleh menggerakkan minda masyarakat kampus.

Sekian, terima kasih.

Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin
Rektor
KUIM



Majlis Muhibbah KUIM, IPB dan IKB

Sebagai sebuah Universiti yang baru ditubuhkan dan menumpang di tempat institusi lain, pihak KUIM menyedari bahawa hubungan yang mesra perlu dijalinan antara semua pihak. Sehubungan itu Majlis Muhibbah telah diadakan pada 14 Julai 2000 di antara pihak KUIM, Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan juga Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).


Objektif utama program ini adalah sebagai salah satu aktiviti yang membolehkan semua pihak berkenalan dan mewujudkan silaturrahim antara satu sama lain. Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU), KUIM, Dato' Dr Mohd Yusof Noor; Pengerusi IPB, Tan Sri Dato' Hanafiah Hj Ahmad; Rektor KUIM, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin; Timbalan Rektor (Akademik), Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin; Pendaftar KUIM, En Addenan Hj Abd Rahman; Pendaftar IPB, En Rosli Zakaria dan Bendahari KUIM, Puan Rohani Abu turut hadir di majlis tersebut.

Perasmian Makmal iNetlab @ KUIM

Makmal Komputer KUIM di Tingkat 9 Bangunan Institut Profesional Baitulmal yang pertama ditubuhkan telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Rektor KUIM. Makmal iNETLAB @ KUIM telah dipilih sebagai nama makmal komputer ini mengikut pilihan yang telah dibuat oleh kakitangan KUIM.

Perasmian yang bermula dari jam 8.00 pagi sehingga jam 10.00 pagi pada 18 November 2000 ini turut dihadiri oleh wakil daripada *Syarikat CAIDMARK Sdn. Bhd.* dan *Syarikat Intech Utama* yang telah terlibat di dalam pembangunan makmal komputer ini sepenuhnya.

Majlis Perasmian ini diakhiri dengan semua jemputan dibawa melawat Bilik "Server" dan juga Bilik Gerakan MPP KUIM. Selain itu juga, majlis ditambah dengan penyerahan sumbangan syarikat-syarikat pembekal IP kepada wakil MPP.



Majlis Sambutan Hari Raya



Mahasiswa beramah mesra bersama Pengerusi LPU KUIM dalam Majlis Sambutan Hari Raya

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri KUIM telah diadakan pada 19 Januari 2001 lalu bertempat di Dewan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Kg Pandan. Majlis ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Pelaksana Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri KUIM yang terletak di bawah Jawatankuasa Kebajikan, KUIM. Dianggarkan sekitar 350 orang hadir pada majlis tersebut yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah KUIM, kakitangan KUIM, ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIM, wakil dari pihak IKB dan Institut Profesional Baitulmal (IPB) serta para pelajar KUIM sendiri. Majlis tersebut yang bermula pada pukul 9.30 pagi telah diserikan oleh nyanyian nasyid oleh kumpulan nasyid KUIM dan juga pemberian hadiah bungkusan 'hamper' kepada kakitangan yang bekerja pada Hari Raya Aidilfitri. Sumbangan juadah hari raya yang amat menggalakkan daripada semua jabatan/bahagian serta para pelajar KUIM, membolehkan majlis jamuan hari raya tersebut disambut dalam suasana hari raya yang penuh meriah dan gembira.

Renungan Bersama..

Ilmu yang paling baik ialah yang paling banyak memberikan manfaat sesama manusia

PENDAFTARAN

Pendaftaran Mahasiswa Perintis KUIM

Seramai 255 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan juga lepasan Diploma dari beberapa institusi pengajian tinggi agama tempatan seperti *Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)*, *Kolej Islam Pahang (KIP)* dan *Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR)* telah mendaftar diri pada 18 Jun 2000. Kumpulan perintis seramai 255 orang ini terdiri daripada 210 pelajar perempuan dan 45 pelajar lelaki.

Walaupun KUIM masih baru beroperasi, segala urusan berkaitan dengan pendaftaran pelajar, akademik dan asrama dikendalikan secara berkomputer. Langkah efektif pihak pengurusan KUIM itu telah membolehkan proses pendaftaran dijalankan dengan selesa, cepat dan menyenangkan semua pihak terutamanya ibu bapa yang mengiringi anak-anak mereka.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Dr Mohd Yusof Noor turut meluangkan masa dan memberikan taklimat kepada para pelajar dan ibubapa yang hadir pada hari itu. Turut hadir Rektor KUIM, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin dan Timbalan Rektor (Akademik), Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin.



Pelajar dan ibu bapa sedang mendengar Taklimat Pendaftaran

Program Tazkirah Ramadhan Sempena Ramadhanal- Mubarak

*Ada tiga
kekayaan yang
amat sempurna :
Kehormatan yang
bukan pemberian,
Keharmonian yang
tidak perlu dicari-cari
dan
kesabaran tanpa
kehinaan*

Sepanjang bulan Ramadhan yang lalu, pihak Pengurusan KUIM telah menganjurkan Program Tazkirah Ramadhan khas untuk semua kakitangan KUIM dan Institut Profesional Baitulmal (IPB).

Majlis selama 15 minit itu diadakan di Surau IPB pada setiap hari Isnin hingga Khamis, selepas solat Zohor berjamaah.

Para penceramah adalah terdiri daripada Rektor, Timbalan Rekrtror, para pensyarah dan tutor KUIM. Di antara tajuk-tajuk yang telah dikupas ialah Fadhillat Ramadhan, Ibadat yang Digalakkan pada Bulan Ramadhan dan Peranan Puasa dalam Pembentukan Peribadi Muslim.

PENDAFTARAN

Minggu Ta'aruf Pelajar Sulung KUIM

Sempena dengan kedatangan pelajar baru KUIM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengadakan *Minggu Ta'aruf* yang diadakan dari 18 hingga 24 Jun 2000. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Dr Mohd Yusof Noor.

Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang *Minggu Ta'aruf* tersebut seperti Aluan Rektor, ceramah, bengkel, taklimat pinjaman pelajaran, sukan, aktiviti kebudayaan, dan taklimat keselamatan dan bomba. Selain itu juga pendaftaran akademik turut diadakan. Semua program disediakan dengan tujuan bagi memastikan para pelajar mendapat maklumat yang tepat mengenai program pengajian, proses pembelajaran peringkat universiti,

pembangunan sendiri dan juga dapat menyesuaikan diri dengan suasana kampus.



Majlis Melafazkan Ikrar oleh Pelajar KUIM Sessi 2000/2001

Kemuncak pada *Minggu Ta'aruf* ialah majlis lafaz ikrar pelajar sulung KUIM generasi pertama yang diadakan di *Dewan Institut Kemahiran Baitulmal* (IKB) pada 24 Jun 2000 yang dirasmikan oleh YB Dato' Dr Mahadzir Mohd Khir, Setiausaha

Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia. Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dr Mohd Yusof Noor; Rektor KUIM, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin; Timbalan Rektor (Akademik), Prof Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin; Pendaftar, En Addenan Hj Abd Rahman; Bendahari, Puan Rohani Abu; para pegawai KUIM dan pelajar-pelajar KUIM.

Pertandingan Bola Sepak Antara Kakitangan Peringkat KUIM

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) ialah sebuah universiti yang ke-12 yang telah ditubuhkan. Bagi mengeratkan lagi hubungan di antara kakitangan, KUIM melalui Kelab Sukan Dan Rekreasi telah menganjurkan satu pertandingan bola sepak tujuh sebelah. Pertandingan ini telah di jalankan di Padang Asrama Yayasan Tun Dr. Ismail pada 19 Januari 2001 yang lalu, bermula jam 5.00 petang.

Pertandingan yang dijalankan secara liga dan tujuh sebelah ini telah disertai oleh pasukan dari tingkat satu, tingkat lapan dan juga tingkat sepuluh. Dalam pertandingan tersebut, pasukan daripada tingkat sepuluh yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah KUIM telah muncul sebagai juara setelah mengalahkan pasukan dari tingkat satu dengan kemenangan yang agak besar dalam perlawanan akhir yang telah dijalankan pada hari yang sama. Dalam pertandingan ini, semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh kesemua pemain wajar di beri pujian, begitu juga dengan kesudian pelajar-pelajar KUIM sendiri yang sudi hadir memberikan semangat kepada pasukan pilihan masing-masing.

Seminar Kebatinan Serantau

Kekeliruan segolongan masyarakat Islam dalam memahami kebatinan dan kerohanian Islam, menyebabkan pengaruh batiniah, salah satu cabang ajaran sesat, tersebar di kalangan masyarakat Melayu Islam di Nusantara.

Usaha membasmi ajaran sesat di rantau ini sememangnya mendapat perhatian pihak berkuasa di negara masing-masing tetapi pemantauannya kurang konsisten menyebabkan ajaran sesat sukar dibendung. Usaha pembendungan menjadi lebih rumit apabila didapati tiada usaha penyelarasan dilakukan di kalangan negara ASEAN untuk membendung ajaran sesat sebegini.

Menyedari hakikat ini, satu Seminar Kebatinan Serantau yang bertemakan, "*Ke Arah Pembasmian Kebatilan dalam Ajaran Kebatinan*," telah diadakan pada 15 dan 16 September 2000 oleh KUIM dengan kerjasama Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad.

Sebanyak 7 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut, termasuk kertas kerja oleh Rektor KUIM, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin. Hasilnya dijangka berupaya merangka dan merancang pendekatan yang lebih bersepadu dan komprehensif dalam menghadapi ajaran sesat di negara ASEAN, di samping harapan untuk mendapat kerjasama serantau bagi memastikan tindakan yang lebih berkesan dapat diselaraskan dengan lebih objektif dan sistematik.

"Kemajuan Sains dan Teknologi berjaya merubah pemikiran dan sikap individu dan masyarakat hingga tunduk di bawah nilai-nilai kebendaan ...Masyarakat sudah hampir lupa dan tersisih jauh tentang adanya satu aspek lain yang sangat bernilai dan penting pada setiap manusia yang bertamadun dan ingin hidup bahagia.. iaitu KEROHANIAN atau spiritual yang melahirkan nilai-nilai positif dan sifat-sifat terpuji..."
Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin (KUIM)

Pengamal ajaran sesat menyatakan... "dalam Islam itu ada zahir dan ada batin. Zahir itu kulit dan batin itu isi. Bila diperolehi isi, maka kulitnya tidak berguna lagi. Yang jelas ialah Rasulullah s.a.w. membawa syariat zahir sahaja".
Prof Dr Abdul Fattah Haron Ibrahim (UKM)

"Konsep ketuhanan yang terdapat dalam aliran kebatinan..... menunjukkan adanya penyelewengan mendasar dari akidah tauhid. Bahkan dalam hal ini terlihat adanya pengaruh Hindu dan Kristian..."
Prof Dr Haji Ali Ya'kub Matondang M.A. (Indonesia)

"Salah satu fahaman al Bathiniyah yang menyesatkan dan paling merbahaya ialah fahaman tidak perlu lagi melakukan amalan syariat yang zahir, jika telah sampai mengikut anggapannya ke tahap sudah mengetahui ilmu-ilmu batin syariat".

Yang di Muliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato' Paduka Seri Raja Setia Ustaz Haji Awang Suhaili Hj Mohiddin (Brunei)

"Oleh itu adalah amat mengelirukan sekiranya umat Islam dijanjikan syurga dan ganjaran baik dari Allah s.w.t. semata-mata kerana menjadi ahli atau menyokong sesuatu organisasi yang tertentu di dunia ini. Sebaliknya dijanjikan neraka dan balasan buruk dari Allah kepada orang-orang yang menyertai organisasi yang lain, walaupun organisasi atau pertubuhan itu adalah sama-sama didukung oleh orang Islam dan sama-sama mempunyai niat untuk berjuang kerana Islam, malah telah menunjukkan usaha yang konkrit membangunkan Islam dengan bersungguh-sungguh secara praktikal".

Dato' Dr Ismail Ibrahim (IKIM)

"Konsep ajaran kebatinan mengenai pengintegrasian diri, transformasi, reinkarnasi dan ajaran tentang kebatinan lainnya apa lagi memasuki wilayah mistik dan sihir atau ilmu-ilmu kekebalan tubuh untuk kejahatan adalah kebanyakannya bertentangan dengan tauhid Islam."
Drs Fakrurrozy M.A. (Indonesia)

"Penyewelengan aqidah yang lebih bahaya dan berleluasa di dalam masyarakat hari ini ialah terletak kepada penyelenggaraan dan peninggalan dan peninggalan tuntutan dan konsep dua kalimah syahadah yang merupakan batas pemisah antara iman dan kufur boleh merosakkan aqidah seseorang".
Ustaz Mohd Haniff Hassan (Singapura)



KURSUS/LATIHAN

Kursus Pengurusan Sumber Manusia

Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Cik Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, telah menghadiri Kursus Pengurusan Sumber Manusia di Sektor Awam, di Kampus Utama INTAN, Bukit Kiara pada 25 hingga 29 September 2000 lalu. Kursus selama 5 hari itu merupakan anjuran Program Pembangunan Pengurusan dan Kualiti INTAN.

Di antara objektif-objektif kursus tersebut adalah untuk membincangkan konsep asas memahami organisasi dan kepentingan pengurusan sumber manusia; meningkatkan kefahaman mengenai lapan komponen utama dalam bidang pengurusan sumber manusia; mengenalpasti konsep kepimpinan dan teknik-teknik dorongan yang berkesan; dan membangunkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan sumber manusia dalam peningkatan prestasi organisasi, prestasi pasukan dan prestasi pekerja.

Kursus Pengurusan Setor

Pada 12 Ogos 2000, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar KUIIM telah menganjurkan Kursus Pengurusan Setor bertempat di Bilik Kuliah 6, Tingkat 8, Menara IPB.

Kursus sehari ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kaedah pengurusan setor yang betul bagi menjamin pengurusan aset Universiti yang baik dan sistematik, di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para kakitangan dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran pejabat.

Seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan di peringkat sokongan telah menyertai kursus yang terdiri daripada pembentangan 3 kertas kerja dan bengkel.

Kursus Unit IT

Sepanjang tahun 2000 ini, Unit IT telah menganjurkan beberapa siri kursus IT untuk kakitangan KUIIM mengikut keperluan-keperluan yang telah dikenalpasti. Antara kursus yang telah dianjurkan ialah Ms Outlook 2000, Ms Office 2000 untuk kakitangan KUIIM, Latihan Sistem UBS Accounting V 8.1, Sistem Cuti On-Line dan Bengkel Perisian Word Bahasa Arab.

Kursus Sistem Fail

Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar KUIIM telah menganjurkan satu kursus iaitu Kursus Pengurusan Sistem Fail pada 23 September 2000 yang lalu.

Kursus tersebut telah dihadiri oleh seramai 25 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan fail dan surat-menyurat jabatan masing-masing.

Bagi memudahkan pemahaman para peserta, kursus tersebut telah dibahagikan kepada 5 sesi iaitu Prosedur Penerimaan dan Pendaftaran Surat, Prosedur Pendaftaran Fail, Proseduar Membuka Fail, Penyimpanan dan Pengedaran Fail dan Latihan Amali.

Latihan Pengurusan Kenderaan Universiti

Pada 6 dan 13 Oktober 2000 lalu, Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran Am, En. Md. Ishah Rahman telah mengikuti Latihan Pengurusan Kenderaan Universiti anjuran Unit Kenderaan UKM.

Di antara isi kandungan program ini adalah: Organisasi: Rekabentuk dan Struktur; Pengurusan/Perancangan Unit Kenderaan; dan Pengurusan Konflik.

Melalui penyertaan dalam program ini, pegawai terbabit telah diberi pendedahan mengenai konsep dan struktur organisasi Unit Kenderaan di samping memahami konsep pengurusan dan perancangan di unit ini.



Mahasiswa dalam aktiviti riadah sewaktu Minggu Ta'aruf



Barisan atlit KUIM bergambar kenangan dalam SUKMAS 2000


Galeri



Peserta BTN KUIM di Besut Terengganu



Mahasiswa yang turut serta menjayakan Malam Perdana, Minggu Ta'aruf



Suasana pada Hari Pendaftaran Pelajar Baru



Ketibaan YAB Timbalan Perdana Menteri sempena Seminar Kebatinan Serantau



KUIM semasa sidang media bersama pihak media massa

KUIM



Kakitangan KUIM tekun menjalani latihan yang dianjurkan oleh Unit IT, KUIM



Mahasiswa beramah mesra bersama YAB Perdana Menteri dalam lawatan di Putrajaya



SUDUT BAHASA




Anglo-American Differences

Most of us are familiar with some of the differences between American and British vocabulary. *trunk* as opposed to *boot*, *thumbtack* instead of *drawing pin* and so on. Because of our historical association with the British, Malaysians tend to use British spelling and expressions. But over time, "Americanism" has seeped into our English usage through television, travel and education, so much so that there is a 'fuzzy' difference between American and British English. For example, we tend to use '*apartment*', which is of American origin rather than the word '*flat*' which is essentially British.

For general interest and for the benefit of those who really need to know or for those who are just plain curious, the list below gives some samples of the British form and their American equivalent.

B r i t i s h	A m e r i c a n
anticlockwise	counter-clockwise
autumn	fall
biscuit (sweet-tasting)	cookie
biscuit (savoury)	cracker
bonnet (of car)	hood
boot (of car)	trunk
bowler (hat)	derby
candy floss	cotton candy
caravan	trailer; mobile home
chemist	druggist, pharmacist
chips	French fries
crisps	potato chips
cooker	stove
cutlery	silverware
current account	checking account
dinner jacket	tuxedo
drawing pin	thumbtack
dustbin	garbage can, trashcan
engaged (telephone)	busy
estate agent	realtor
flat (housing)	apartment
fortnight	two weeks
frying pan	skillet
gents	men's room
to grill	to broil
handbag	purse
interval (in a performance)	intermission
jewellery	jewelry
jug	pitcher
ladies	women's room
laundrette	laundromat
lavatory	washroom
'lavatory in a public building'	restroom



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ كتاب البيان والتبيين للجاحظ

وَأَسْمَهُ أَبُو عَثْمَانَ عَمْرُو بْنُ بَجْرٍ بْنِ مَحْبُوبِ الْكِنَانِيِّ اللَّيْثِيِّ ، مِنْ أَهْلِ الْبَصْرَةِ ، وَيَمْتَازُ بِالذِّكَاةِ وَالْفُكَيْرِ ، وَهَذَا مَا جَعَلَهُ مِنْ كِبَارِ أُنْمَةِ الْأَدَبِ فِي هَذِهِ الْمَدِينَةِ الَّتِي تَزَخَّرُ بِالْأَدْبَاءِ وَالنُّحَاةِ وَأَصْحَابِ اللَّفْظَةِ ، هَذَا وَقَدْ بَلَغَ خَيْرُهُ إِلَى التَّوَكُّلِ ، وَكَانَ عَازِمًا عَلَى اخْتِيَارِ مَنْ يُؤَدِّبُ وَلَدَهُ ، وَلَكِنْ عِنْدَمَا رَأَى وَجْهَهُ اسْتَبْشَعَ مَنَظَرَهُ فَأَمَرَ لَهُ بِعَشْرَةِ آلَافِ دِرْهَمٍ وَصَرَفَهُ ، وَتَوَفَّى فِي هَذَا الْعَالَمِ عِنْدَمَا ائْتَارَتْ عَلَيْهِ الْكُتُبُ وَالْمُؤَلَّفَاتُ ، وَكَانَ يَطَالِعُ عَلَى إِحْدَى دَارِ الْكُتُبِ عَامَ 255 هـ .

ويشيد الجاحظ باللفظ ويفضله على المعنى فيقول : * المعاني مطروحة في الطريق يعرفها العربي والعجمي والبدوي ، وإنما الشأن في إقامة الوزن ، وتمييز اللفظ وسهولته ، وسهولة المتخرج ، وفي صحة الطبع وجودة السبك ، وإنما الشعر صناعة ، وضرب من الصيغ وجنس من التصوير * .

ونضرب مثلا واحدا ؛ حتى نريك كيف يتذوق الجاحظ الأدب ، وكيف يفسره مستخدما فن البلاغة :

قال طرفة بن العبد :

فسقى ديارك غير مفسدها * صوب الربيع ودعية قمي .

قال الجاحظ : إنه طلب الليث على قدر الحاجة ، لأن الكثرة ضارة ، وقال النبي E في دعائه : ((اللهم اسقنا سقيا نافعا)) ، لأن المطر ربما جاء في غير أوانه فأتلف الزرع ، وهنا يكون عينا وليس غيضا .

هذا الكتاب ، وإن كانت تعرض للبيان ، وتدرس الأدب وفنونه ، إلا أنها تختلف في منهجها ، وتفاوت في مادتها على حسب اختلاف ثقافة مؤلفيها . وهذا الكتاب لا يتجاوز موضوعه الأدب والبيان .

هيا نتعلم اللغة العربية أسلوب التحية بين الناس

SELAMAT PAGI
SELAMAT PAGI
SELAMAT PETANG
SELAMAT PETANG
SELAMAT TINGGAL
SEMOGA BERBAHAGIA SELALU
SELAMAT MALAM
SELAMAT MALAM
SEMOGA BEROLEH KEBAIKAN

محمد : صباح الخير (عند اللقاء صباحا)

سليم : صباح النور

محمد : مساء الخير (عند اللقاء مساء)

سليم : مساء النور

محمد : طاب يومك (عند الفراق فمرا)

سليم : أرجو لك يوما مسمتا

محمد : طابت ليلتك / ليلة سعيدة (عند الافتراق ليلا)

سليم : تصبح على خير ، وأحلاما سعيدة (قبل النوم)

محمد : وأنت من أهل الخير

Berita Kakitangan

Tanggal 26 Januari 2001 merupakan saat yang ditunggu-tunggu oleh pasangan En Hammad Farhi Mohd Saudi, Penolong Pendaftar, Bahagian Canselori dan isteri, Pn Muhaslina Muhammad kerana menyambut kelahiran anak perempuan sulung mereka, Irdina Farhana. Ucapan tahniah juga diucapkan kepada pasangan suami isteri, En Ramzi Sulaiman dan Pn Zainab Ismail, di mana kedua-duanya merupakan kakitangan Universiti ini kerana menyambut cahayamata kedua mereka pada 20 Januari 2001 lalu, iaitu Ahmad Faris.

Al-Fatihah.... Ucapan takziah diberikan kepada keluarga Allahyarham Ustaz Alwi Abd Rahman, Pensyarah KUIM yang meninggal dunia pada 17 Oktober 2000 yang lalu. Beliau merupakan di antara kakitangan akademik perintis yang berkhidmat di Universiti ini. Walaupun tempoh berkhidmat yang singkat di sini, namun, jasanya terhadap perkembangan awal Universiti ini adalah amat besar dan dihargai. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di dalam golongan yang beriman dan bertakwa. AMIN...

TETAMU

Profesor Pelawat KUIM

Pada 26 November 2000, KUIM telah mengundang seorang tokoh Islam yang didatangkan khas dari Indonesia bagi tujuan untuk memantau kualiti akademik dan ko-kurikulum universiti ini. Beliau telah berada di KUIM selama 5 hari.

Prof. Dr. Amir Syarifuddin diberi tanggungjawab untuk menilai dan memantau perkembangan akademik di Kolej Universiti Islam Malaysia. Perlantikan Dr. Amir Syarifuddin sebagai *profesor pelawat* adalah selaras dengan hasrat pihak pengurusan KUIM dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti pendidikan Islam di Universiti ini.

Prof. Dr. Amir Syarifuddin yang juga *Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol, Padang, Indonesia* ialah seorang tokoh yang bergerak aktif dalam program khidmat masyarakat dan ini merupakan salah satu faktor beliau dipilih sebagai *profesor pelawat*.

Antara sumbangan beliau adalah menjadi Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia Sumatera Barat; Ketua Umum BAZIS Tingkat 1 Sumatera Barat; Manggala BP-7 Pusat di Jakarta; dan juga Anggota Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia.

Beliau juga banyak menerbitkan karya-karya seperti *Perlaksanaan Hukum Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau (1984)*, *Pembaharuan Pemikiran Dalam Hukum Islam (1990)*, *Usul Fiqh (Metodologi Hukum Islam-1996)* serta kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar.



Tetamu Negara / KUIM



Pada 6 November 2000, bertempat di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, satu pertemuan telah diadakan di antara pihak pengurusan KUIM dengan seorang tokoh ilmiah yang terkenal yang juga merupakan tetamu negara. Beliau ialah Prof Dr Muhammed Abul Khair Zaki Badawi. Dalam majlis itu, beliau telah menyampaikan syarahan yang bertajuk "*Masa Depan Pengajian Islam di Universiti-universiti di Seluruh Dunia*".

Perbincangan dengan pihak pengurusan dan ahli akademik KUIM telah diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan idea bagi memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan KUIM.

Beliau yang pernah bekerja di Malaysia berkelulusan Ijazah dari Universiti Al-Azhar serta PhD dari Universiti of London. Selain daripada menjadi *Director, Muslim College of London*, beliau telah banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat, baik di peringkat tempatan mahu pun di arena antarabangsa. Antara sumbangan beliau adalah menubuhkan Majlis Undang-Undang Syariah dan aktif dalam gerakan agama, Ahli Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir dan Majlis Seruan Islam Sedunia dan Mu'tamar Al-Alam al-Islami di Karachi Pakistan, serta menjadi pemimpin IFS yang bertempat di Britain. Beliau juga merupakan Pengerusi Persidangan Majlis Imam-Imam dan Masjid-Masjid di United Kingdom dan merupakan orang pertama yang memperkenalkan Sistem Perbankan Islam di Luxembourg dan menubuhkan sebuah Institusi Perbankan Islam di bawah pentadbirannya sendiri.

Kursus Pengurusan Organisasi Kejohanan Debat Diraja

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIM

Untuk memastikan para pelajar KUIM mempunyai kemahiran berorganisasi dan mampu berhadapan dengan masyarakat, pihak Universiti telah melantik 11 orang pelajar daripada pelbagai fakulti sebagai ahli exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

MPP KUIM ini berperanan sebagai sebuah badan pelajar yang bertanggungjawab untuk membantu pihak pengurusan KUIM menjaga kebajikan pelajar dan juga bagi menjalankan pelbagai aktiviti pelajar.

Bagi memastikan semua exco dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik, Bahagian HEP KUIM telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Organisasi untuk memberikan pendedahan kepada mereka tentang pelbagai prosedur pengurusan aktiviti pelajar seperti penyediaan kertas kerja, kemahiran berkomunikasi, protokol, hubungan media, membuat laporan projek dan laporan kewangan.

Selain itu, pihak pengurusan KUIM turut menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKSA) peringkat Kolej Kediaman untuk tujuan yang sama. Pengetua dan "fellow" penghuni turut dilantik untuk membantu memastikan kebajikan dan keharmonian para pelajar tersebut semasa tinggal di kampus.

Tonjol Potensi Pendebat KUIM



Aksi Para Pendebat KUIM

Kejohanan Debat Diraja, satu pertandingan elit antara universiti awam di Malaysia telah berjaya menonjolkan potensi para pendebat KUIM. Walaupun hanya menjalani latihan intensif singkat, pasukan debat KUIM telah berjaya menunjukkan pencapaian yang membanggakan apabila memenangi beberapa pertandingan. Dan ada di antara pendebatnya terpilih sebagai pendebat terbaik pada peringkat saringan.

KUIM menghantar tiga pasukan iaitu satu pasukan senior, dan dua pasukan junior. Program tersebut dianjurkan oleh Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dengan kerjasama Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor, HEP IPTA dan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dari 6 hingga 11 November 2000.

Kemampuan yang ditunjukkan oleh para pendebat KUIM membuktikan bahawa mereka mempunyai potensi untuk maju dalam bidang ini pada masa depan. Sehubungan itu, usaha dan program yang bersesuaian perlu dibuat dengan segera bagi memastikan para pelajar KUIM akan mendapat pendedahan yang secukupnya.



Seorang ahli fikir Islam pernah berkata,

"Berbahagialah orang yang merasa bersyukur dengan segala apa yang diberikan Tuhan, baik berupa nikmat atau sebaliknya"

AKTIVITI PELAJAR

Kursus Bina Negara

Sukan Antara Universiti

**Pupuk Semangat
Cintakan Negara**

**KUIM Sahut Cabaran
Sukmas**



Senaman Pagi

Setelah KUIM diterima menjadi ahli dalam Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar (HEP) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia, KUIM telah menyahut cabaran dengan menyertai Kejohanan Sukan Antara Universiti (SUKMAS) 2000.

Walaupun dengan serba kekurangan sama ada prasarana sukan dan pengalaman, KUIM atas nama semangat kesukanan telah menghantar para atlit pada semua fasa SUKMAS yang telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Malaya (UM) dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM). KUIM telah menghantar para atlit untuk menyertai dalam acara bolasepak, pingpong lelaki/perempuan, bolatampar lelaki/perempuan, bolajaring, badminton lelaki/perempuan dan juga sepaktakraw. Para atlit KUIM telah menunjukkan kesungguhan dan potensi untuk terus berjaya pada masa akan datang.

KUIM menyedari bahawa mahasiswa mempunyai potensi diri yang perlu digilap melalui pelbagai aktiviti pembangunan sahsiah dan juga ko-kurikulum. Sehubungan itu, penglibatan para pelajar dalam aktiviti seperti itu mendapat perhatian yang serius dan sokongan sama ada daripada aspek material mahu pun moral daripada pihak pengurusan KUIM.

Bagi membantu menjayakan hasrat melahirkan graduan yang berkualiti dan seimbang KUIM telah menghantar para pelajar kumpulan perintis ini menyertai Kursus Bina Negara yang dianjurkan oleh pihak Biro Tata Negara (BTN) di Besut, Terengganu pada 15 hingga 20 Oktober 2000. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang semangat cintakan negara, bangsa dan agama. Selain itu, program ini dapat memupuk semangat bekerjasama dan memahami segala aspek yang berkaitan dengan pembangunan negara.

Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah motivasi, kenegaraan, kerohanian, dan latihan dinamik kumpulan. Manakala aktiviti riadah yang dijalankan ialah sukan, berkawad, kembara dan sebagainya.



Harapan Universiti

*Kelalaian itu pokok kemiskinan, kemalasan pokok kemunduran, kebakhilan pokok renggangnya persaudaraan .
Kebodohan pokok kegelapan, perselisihan pokok kelemahan.*

BENGKEL

Bengkel Pengurusan KUIM

Bengkel Pengurusan KUIM merupakan bengkel pertama yang diadakan di KUIM untuk pegawai dan pensyarah yang berkhidmat di KUIM.

Bengkel yang diadakan selama tiga dari 27 hingga 29 Oktober 2000 ini telah dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia, KUIM bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada golongan pengurusan ini dalam mengendalikan organisasi (KUIM) agar selaras dengan matlamat dan halatuju KUIM. Bengkel yang bertempat di sebuah hotel di Port Dickson ini telah dirasmikan oleh Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin, Rektor KUIM. Penceramah jemputan daripada Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) dan Hospital UKM membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pembinaan Semangat Kerja Berpasukan' dan 'Etika Kerja dan Kerahsiaan Maklumat'. Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan dengan menekankan konsep bekerjasama di kalangan kakitangan pengurusan dan juga kaedah pengurusan pentadbiran yang baik dan mantap meliputi pengurusan belanjawan.

Selain daripada pembentangan kertas kerja, bengkel ini juga dimuatkan dengan perbincangan secara kumpulan mengikut tajuk dan hasil perbincangan ini digunakan bagi membantu pengurusan yang lebih cekap lagi. Bengkel ini diakhiri dengan satu sidang pleno yang menghasilkan satu resolusi yang meminta agar Jabatan Bendahari mengadakan Bengkel Penyediaan Belanjawan KUIM sebagai susulan Bengkel.



Barisan urusetia Bengkel Pengurusan KUIM

Bengkel Penyediaan Belanjawan KUIM



Timbalan Rektor KUIM menyampaikan cenderamata kepada Bendahari KUIM dalam Bengkel Penyediaan Belanjawan KUIM

Jabatan Bendahari dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, KUIM telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Belanjawan KUIM pada 25 November 2000 yang lalu bertempat di Hotel De Palma, Ampang, Kuala Lumpur.

Bengkel sehari tersebut telah diadakan dengan objektif untuk memberi maklumat mengenai anggaran belanja mengurus KUIM tahun 2000 dan prestasi perbelanjaan berdasarkan kod objek, memberi kefahaman tentang proses penyediaan belanjawan tahun 2001 dan penyediaan perjanjian program KUIM serta menyediakan objektif setiap aktiviti dan merancang strategi jangka pendek dan jangka panjang aktiviti tersebut.

Secara keseluruhannya bengkel ini telah berjaya mencapai objektifnya dengan beberapa pengubahsuaian telah dilakukan bagi kesesuaian peserta bengkel. Satu sesi bengkel yang berikutnya akan dijalankan bagi tujuan penyediaan belanjawan KUIM 2002 pula.

DIARI

Sidang Redaksi Buletin KUIM sessi 2000/2001

Penangung
Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin

Penasihat
En Addenan Hj Abd Rahman

Ketua Editor
Idris Mamat

Setiausaha
NorAzzah Momin

Kewangan
Zairul Hisham Ahmad Khulaimi

Editor
Nor Azzah Momin
Mohd Asri Husain

Editor Bersekutu
Dr Mohamed Zain Mohamed Ali
Asma Abd Rahman
Muhammad Haizuan Rozali

Grafik
Khadijah Chamili
Masni Md Hasim

Percetakan
Hammad Farhi Mohd. Saudi

Pengedaran
Md Ishah Rahman

Pruf
Marina Yusop

☞ Majlis Percambahan Fikiran Mengenai Peranan dan Masa Depan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 10 Mac 2001 di Hotel Equatorial, Bangi anjuran KUIM

☞ Perkhemahan Bahasa pada 11 hingga 15 Mac 2001 di Hutan Rekreasi Ayer Keroh, Melaka anjuran Bahagian HEP & Akademik

☞ Bengkel Belanjawan KUIM 2002/2003 pada 12 hingga 13 Mac 2001 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, anjuran Pejabat Bendahari

☞ Bengkel Permasalahan Kemasukan Pelajar Aliran Agama ke IPTA Malaysia pada 15 Mac 2001 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur anjuran KUIM Dengan Kerjasama IPPTN, USM

☞ Bengkel Usahawan Siswa pada 26 Mac 2001 di Bilik Kuliah 1 oleh HEP dan Pejabat Bendahari

☞ Bengkel Teknik Belajar diadakan secara berterusan di Bilik MPP & Bilik Mesyuarat Tingkat 1, anjuran Bahagian HEP

☞ Perpindahan ke Kampus ke-2 Sementara pada April 2001 di Menara MPAJ, Pandan Indah

☞ Kursus Urusetia Minggu Ta'aruf pada 17 hingga 20 Mei 2001 di Bilik Kuliah 1, anjuran Bahagian HEP



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Menara Institut Profesional Baitulmal (IPB),
Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur
Tel: +(603)-983 2244 Fax : +(603)-983 2737
<http://www.kuim.edu.my>

*Imam Al-Ghazali, seorang ahli falsafah Islam yang terkenal pernah berkata ,
"Ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan ialah ilmu.
Maka manusia yang mulia adalah kerana ilmu dan bukan disebabkan kekuatan dirinya."*